



## Pelajar Perlu Tingkatkan Kualiti Diri – Naib Canselor UMS

Oleh Ismail Ali

Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan para pelajarnya. Sehubungan itu, para pelajar diingatkan agar memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan dan sentiasa menumpukan kepada aspek peningkatan ilmu pengetahuan sepanjang masa. Ini kerana sudah menjadi tanggungjawab UMS untuk melahirkan pelajar yang berwibawa, inovatif, mempunyai ilmu dan kemahiran yang tinggi selain menghasilkan golongan pelajar yang berkualiti, proaktif dan progresif. Naib Canselor UMS Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata demikian ketika Majlis Dialog bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2009/2010 anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP).



Katanya, adalah menjadi kewajipan pelajar untuk memiliki semangat jati diri, beretika dan berakhlak mulia serta mematuhi segala peraturan-peraturan dan akta universiti. Sebagai pelajar seharusnya tidak terpengaruh dengan anasir-anasir negatif atau perkauman yang boleh memecahbelahkan perpaduan dan memesongkan matlamat pengajian.

Menurutnya, pelajar harus memiliki nilai-nilai murni dan sentiasa menerapkan amalan hormat-menghormati di kalangan ibu bapa, pensyarah, kakitangan dan rakan pelajar. "Para pelajar juga semestinya boleh menerima pandangan dan kritikan yang membina bagi melengkapkan jati diri yang tinggi terutama dalam mengharungi cabaran persekitaran globalisasi masa kini," tambahnya lagi.

Sebagai universiti awam yang ke-9 ditubuhkan di negara ini, UMS akan sentiasa membangunkan kampus dan menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk kepentingan pelajar. Begitu juga dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, peralatan canggih dan moden terutama makmal sains, kejuruteraan, komunikasi dan multimedia, komputer

dan makmal bahasa akan dipertingkatkan seiringan dengan keperluan masa kini.

Menyentuh mengenai ketiadaan air di UMS-KAL (Kampus Labuan), pihak pengurusan universiti telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi memastikan masalah ini dapat dikurangkan sekaligus diatasi. Pihak pengurusan universiti telah menyediakan beberapa set pam air untuk mengepam air ke tangki-tangki bagi membekalkan air bersih ke setiap blok kolej kediaman pelajar. Dalam masa yang sama juga pengurusan universiti akan memantau masalah ini dari masa ke semasa bagi memastikan bekalan air bersih sentiasa mencukupi untuk keperluan pelajar keseluruhannya.

Pada majlis dialog itu juga telah mencapai kesepakatan dalam penggunaan beberapa prsarana UMS. Pihak universiti telah bersetuju memanjangkan waktu penggunaan Mega Lab dan perpustakaan UMS-KAL untuk menyenangkan pelajar membuat ulangkaji dan penggunaan ICT.

Dalam majlis dialog tersebut, Naib Canselor juga mengucapkan tahniah kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) kerana berani menerima cabaran dan dugaan untuk terus memimpin pelajar UMS yang

kini mencecah 15,000 pelajar. Secara keseluruhannya, beliau berpuas hati dengan soalan yang bernas dan relevan yang diajukan kepada pengurusan utama universiti demi kebaikan bersama dalam memajukan universiti Malaysia Sabah "kampus ceria" ini.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) merupakan medium interaksi dan menjadi landasan utama bagi menyalurkan suara mahasiswa/i kepada pihak universiti dan kerajaan demi memastikan hak pelajar terbelas dan menyediakan aktiviti-aktiviti kemahasiswaan untuk melahirkan mahasiswa cemerlang, gemilang dan terbilang. Antara lain juga, objektif MPP adalah untuk mendengar dan mengenalpasti permasalahan mahasiswa dan mengutarakan segala isu-isu kepada pihak berwajib selain mengkaji keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar yang membabitkan kepentingan pelajar. Perlantikan mereka sebagai majlis perwakilan pelajar yang berkuatkuasa pada 28 Jan 2010 lalu berdasarkan satu proses pemilihan yang juga dikenali sebagai pilihanraya kampus.

Majlis Dialog anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang diadakan dalam tempoh dua bulan sekali merupakan medan untuk pelajar menyuarakan permasalahan dan cadangan. Ianya sebagai medium interaksi kepimpinan pelajar MPP dan JAKMAS (Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa) dalam menyampaikan sebarang masalah yang dihadapi para pelajar UMS di samping merupakan saluran terbaik perbincangan antara pengurusan



universiti dengan pelajar secara terbuka. Lebih 30 orang pemimpin pelajar hadir yang di ketuai oleh saudara Faezan Amidun, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Hadir sama pada majlis ini ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMS Prof. Dr. Amran Ahmed, Pendaftar Encik Abdullah Hj. Mohd. Said, Bendahari Tn. Haji Rizal Othman, Ketua Pustakawan, Pn. Dayang Rukiah Ag. Amit, Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan, Prof. Madya Dr. Shariff A.K Omang dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Encik Darwis Awang.

